


Fenomena ‘benci tapi suka’ petanda budaya pemikiran picisan?

**MASSA**

Jumaat, 01 Apr 2022 2:48 PM MYT



VIDEO tular pensyarah menghina golongan B40 merupakan antara contoh kandungan negatif yang menjadi pilihan netizen. — Gambar hiasan

KEBELAKANGAN ini, kita sering melihat semakin banyak paparan video yang mengundang tidak senang hati atau kebencian menjadi tular terutamanya di media sosial di Malaysia. Sebagai contoh, antara rakaman yang tular adalah paparan video seorang individu memarahi pekerja kedai serbaneka apabila anaknya dituduh mencuri, paparan video seorang selebriti yang menonjolkan satu

Privacy - Terms

babak lakonan yang kontroversi, dan yang terbaru paparan seorang pensyarah memarahi pelajarnya kerana tidak memiliki komputer riba.

Penularan paparan-paparan sebegini seolah-olah menunjukkan penonton khasnya dalam kalangan netizen mendapat hiburan atau keseronokan apabila dihidangkan dengan sesuatu yang ‘memuaskan’. Dalam Bahasa Inggeris, kecenderungan mendapat keseronokan daripada benda-benda yang bercirikan unsur negatif disebut *guilty pleasure*. Dalam bahasa mudah, ia boleh diterjemahkan sebagai ‘benci tapi suka’.

Paparan-paparan negatif ini menjadi tular atau trending apabila mereka mendapat perkongsian yang tinggi di pelbagai jenis media sosial seperti Twitter, YouTube, Facebook, TikTok dan sebagainya.

Tambahan lagi, peranan media perdana seperti saluran berita TV dan portal berita dalam talian turut menyumbang kepada populariti paparan-paparan sebegini.

Namun begitu, timbul beberapa persoalan. Kita sedia maklum bahawa konsep ‘permintaan dan penawaran’ memainkan peranan dalam hal ini – kejayaan sesuatu produk di pasaran dipengaruhi oleh sambutan pengguna terhadap produk tersebut. Tetapi dalam konteks paparan video yang tular ini, produk itu sendiri boleh dikatakan bergantung hampir keseluruhannya kepada unsur-unsur yang negatif.

Persoalan yang pertama - adakah minda kebanyakan rakyat Malaysia hari ini semakin terjebak ke dalam fenomena ‘benci tapi suka’ dengan kecenderungan kepada pencarian hiburan daripada paparan-paparan yang negatif?

Persoalan yang kedua pula - jika ini benar, apakah ia membawa kesan yang lain terutamanya dalam konteks pembangunan insan di negara kita?

Berbalik kepada persoalan yang pertama tadi, penularan pantas paparan-paparan sebegini membuktikan fenomena ‘benci tapi suka’ terutamanya dalam kalangan netizen. Kecenderungan netizen untuk menyebarluaskan paparan yang mereka tonton memberi isyarat kecenderungan minda kebanyakan rakyat Malaysia terhadap bahan-bahan tontonan yang negatif. Ini dikuatkan lagi dengan ratusan komen terhadap paparan-paparan tersebut yang menunjukkan ‘keprihatinan’ netizen untuk memberi ulasan atau pendapat masing-masing.

Apakah nilai-nilai yang dibawa oleh paparan sebegini sehingga ia diangkat tinggi oleh netizen yang sanggup meluangkan masa dan tenaga mereka memainkan peranan dalam penularannya?

Melihat persoalan kedua, kehairahan netizen dalam fenomena ‘benci tapi suka’ ini dibimbangi boleh memberi kesan kepada salah satu teras dalam Maqasid Syariah iaitu ‘penjagaan intelek’, yang secara tidak langsung boleh membawa impak yang tidak sihat dalam usaha pembangunan insan di Negeri. Usaha kerajaan terutamanya melalui institusi pendidikan dalam melahirkan individu-individ berfikiran kritis dan berpengetahuan tinggi dibimbangi akan direncatkan dengan fenomena ‘benci tapi suka’ yang boleh bertukar menjadi budaya pemikiran picisan di kalangan generasi muda negara ini.

Sebagai contoh, ibu bapa sepatutnya merasa risau bila anak mereka lebih suka menonton paparan yang memperlihatkan penggunaan kata-kata kesat yang mungkin tampak melucukan daripada menonton paparan yang mengetengahkan sesuatu yang bersifat ilmiah seperti ceramah motivasi dan sebagainya.

Justeru, penulis melihat fenomena ‘benci tapi suka’ dalam kalangan rakyat Malaysia sebagai sesuatu yang perlu dibendung kerana ia memberi gambaran kerendahan minda kita dalam menilai kaca dan permata dalam paparan-paparan di media sosial. Tambahan lagi, kita seharusnya merasa lebih bertanggungjawab dalam membentuk aliran pemikiran generasi muda yang memerlukan pendedahan berterusan dan mantap kepada paparan-paparan yang membina.

Jangan nanti, minda anak cucu kita hanya mendapat rangsangan bila didedahkan dengan perkara-perkara picisan, tetapi tidak merasa apa-apa bila dihidangkan dengan hal-hal berteraskan ilmu pengetahuan dan nilai budi. — **Majoriti**

Dr Shahrul Nizam Mohd Basari, Pensyarah Kanan, Jabatan Pelancongan Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**Ini merupakan pandangan penulis dan tidak semestinya mencerminkan pendirian Majoriti*

Boleh follow media sosial Majoriti di [Twitter](#), [Facebook](#), [Instagram](#) dan [Telegram](#)

Artikel Berkaitan:

[Ada hukuman setimpal buat 'geng plastik hitam'](#)

[Kes anak yatim maut angkara RM4, remaja 16 tahun didakwa](#)

['Ada sebab Luqman Hakim kurang beraksi di KV Kortrijk'](#)

['Rasa rindu itu, Ya ALLAH,' Pekerja roti kongsi kisah terkandas di Singapura dua tahun](#)

TAGS / KEYWORDS :

[Benci Tapi Suka](#), [Surat Pembaca](#), [Guilty Pleasure](#), [Kandungan Negatif](#), [Ilmiah](#), [Shahrul Nizam Mohd Basari](#), [Iium](#), [Universiti Islam Antarabangsa Malaysia](#), [Uiham](#),

TOPIK:

Massa

Sejauh manakah artikel ini memberi manfaat?



[Privacy](#) - [Terms](#)

Terdapat kesilapan dalam artikel ini?

Laporkan kepada kami



Lebih Pilihan

PODIUM 1 jam lalu

Dominasi, kamera antara 5 faktor Liga Malaysia makin hanyut

PODIUM 3 jam lalu

Park Hang-seo lantang dan tegas, patut jadi pengarah teknikal FAM

PODIUM 15 jam lalu

Gaji tinggi punca mentaliti 'buat apa main bagus, janji cukup bulan cucuk duit'

PODIUM 15 jam lalu

'Tak sempat nak bercakap,' pemain Harimau Malaya akui penangan latihan keras KPG

Privacy - Terms

TULAR 17 jam lalu

Cekap mata netizen, kemeja Ismail Sabri jadi tumpuan

BENUA 19 jam lalu

Wanita bertudung hina agama Islam, dedah 'aset' di TikTok

PODIUM 19 jam lalu

Luqman Hakim enggan mengaku kalah, ikrar perbaiki skil

PODIUM 19 jam lalu

Harimau Malaya sudah ada senjata rahsia – Panggon

PODIUM 21 jam lalu

Dua bintang muda JDT diintai Harimau Muda

Privacy - Terms

PODIUM 22 jam lalu

Sesiapa pun akan pilih gaji, jangan salahkan pasukan jaga kebajikan pemain

PODIUM 23 jam lalu

'Sawadikap', peminat pecah rahsia bintang bola sepak Thailand bakal meriahkan...

PODIUM 1 hari lalu

Kenang pengorbanan pemain, jurulatih Perak FC beraksi tanpa gaji

[Baca Lagi](#)

Kenali Kami

Hubungi Kami

Terma & Syarat

Privacy - Terms

Dasar Privasi

Soalan Lazim



Hakcipta © 2021-2022 Star Media Group Berhad (10894D)
Paparan terbaik pada penyemak imbas Chrome.

Privacy - Terms